

## KPDNHEP Negeri Sembilan catat nilai rampasan RM1.8 juta pada 2019

Januari 22, 2020 Ditulis oleh Media Baharu



**SEREMBAN** - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Negeri Sembilan mencatat nilai rampasan mencecah RM1.8 juta sepanjang tahun lalu.

Exco Kesihatan, Alam Sekitar, Koperasi dan Kepenggunaan Negeri Sembilan, S. Veerapan memaklumkan, ia membabitkan sebanyak 597 kes dengan pelbagai kesalahan, manakala keseluruhan nilai kompaun dan denda berjumlah RM125,700.

Terkini, hasil pemantauan mulai 1 Januari sehingga semalam, sebanyak 55 kes direkodkan dengan jumlah rampasan bernilai RM52,070 dan nilai kompaun RM9,350.

"Kalau kita lihat keseluruhan untuk 2019 kita ada lampiran jumlah kes 597 kes pendakwaan dan kompaun sebanyak RM125,700, nilai rampasan lebih kurang RM1.859 juta. Aduan diterima 649," katanya kepada media.

Beliau berkata demikian dalam sidang media sempena Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) Sempena Tahun Baharu Cina 2020 di Seremban.

Sempena SHMMP, KPDNHEP Negeri Sembilan menempatkan 98 pegawai penguat kuasa di semua lokasi tumpuan untuk menjalankan pemeriksaan dan pemantauan.

SHMMP Tahun Baharu Cina bermula pada 20 Januari sehingga 2 Februari depan dengan sebanyak 15 jenis barangan dikenal pasti berbanding 12 barangan sebelum ini.

Pertambahan barangan tersebut melibatkan cili merah, tomato dan ubi kentang import dari China.

Manakala kategori barangan harga terkawal terdiri daripada ayam, telur ayam, sayuran, barangan kering, hasil laut dan daging babi.